# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 18 OKTOBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | JABATAN PERIKANAN AMBIL AMPEL SIPUT, HM -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2.<br>3.<br>4.<br>5. | ELAK DAPAT LEWAT, SINAR NEGERI, SH -32<br>MAKLUM AWAL TANAM PADI, ELAK BENIH LAMBAT SAMPAI, SH -ONLINE<br>PESAWAH DILEMA BENIH PADI KURANG STOK, HARAKAH DAILY -ONLINE<br>PESAWAH LAMBAT MAKLUM TEMPAHAN, NASIONAL, BH -59 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br>13.<br><br>14. | ELLA JADI TAUKE CILI, LOKAL, HM -14<br>PKPKM RAYU SUBSIDI TANAM SEMULA KEKAL, MUKA DUA, BH -2<br>PERKASA KOPERASI LUAR BANDAR:PM, MUKA DUA, BH -2<br>GO INTO VEGETABLE, FRUIT FARMING -DR M, HOME, BORNEO POST (KK) -21<br>MAHATHIR URGES SMALL ESTATE OWNERS TO CHANGE THEIR WAY OF THINKING,<br>DIVERSIFY PLANTING TO, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B12b<br>PM URGES FARMERS TO MODERNISE AND ADOPT MIXED FARMING, NEWS,<br>ORIENTAL DAILY NEWS -A2<br>PM URGES SMALLHOLDERS NOT TO RELY ON AID, NATION, CHINA PRESS -A5<br>DR MAHATHIR: GO INTO VEGETABLE AND FRUIT FARMING TO ADDRESS FOOD<br>IMPORT BILL, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9<br>TUN M URGES PLANTATION OWNER TO MERGE LAND AND MANAGE<br>PROFESSIONALLY, NATION, SIN CHEW DAILY -3 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Jabatan Perikanan ambil sampel siput



JABATAN Perikanan Johor sudah mengambil sampel siput sedut yang dibuang di Benteng Tanjung Labuh, Batu Pahat, kelmarin.

Pengarahnya, Zamani Omar berkata, proses pengambilan sampel itu dilakukan kakitangannya sebelum dihantar ke Makmal Biosekuriti Perikanan untuk mengetahui tahap keselamatannya.

"Ini kerana terdapat dakwaan dalam kalangan netizen mengatakan siput itu beracun sedangkan tidak dapat dipastikan.

"Bagi menjamin keselamatan, sampel siput sedut diambil untuk mengesan dan mengenal pasti sama ada ia beracun atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi di Johor Bahru hari ini.

Menurutnya, dia bersama kakitangan Pejabat Perikanan Daerah Batu Pahat yang bertugas di Unit Akuakultur pergi ke lokasi kejadian dan menjalankan siasatan.

"Hasil tinjauan penduduk setempat, siput itu dibuang oleh sekumpulan individu untuk upacara keagamaan mereka.

"Dakwaan siput itu beracun tidak dapat dipastikan secara terperinci tetapi beberapa penduduk setempat yang mengambil dan memakan siput berkenaan tidak menunjukkan sebarang tanda keracunan makanan,"

katanya.

Menurutnya, biasanya sampel diambil membabitkan kematian hidupan sama ada dugong, ikan, penyu, udang, sotong dan sebagainya.

"Kalau untuk menentukan keracunan, lebih sesuai ia dirujuk kepada pakar Kementerian Kesihatan," katanya.

Semalam, portal Harian Metro melaporkan ramai penduduk kawasan itu berpusu-pusu ke sekitar paya bakau berhampiran benteng Tanjung Labuh susulan kehadiran siput sedut dalam jumlah luar biasa.

Fenomena luar biasa itu menyebabkan kawasan berkenaan bertukar menjadi tapak 'pesta' bagi penduduk setempat yang membawa guni dan timba untuk mengutip siput berkenaan.

Bagaimanapun, fenomena luar biasa itu terjawab selepas Jabatan Perikanan memaklumkan siput itu dibuang ke kawasan berkenaan bagi tujuan keagamaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI | 32 |

# Elak dapat lewat




Mukhriz (dua dari kanan) mendengar penerangan dari Pengarah APM Kedah, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub (kiri) tentang perjalanan sekumpulan pendaki dari pasukan APM Kedah yang berjaya mengibarkan *Jalur Gemilang* di puncak Annapurna, Nepal.

## *Mukhriz minta petani maklum awal permintaan benih padi bersubsidi*

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berharap petani tidak lagi lewat memaklumkan permintaan benih padi bersubsidi kerana mampu menjejaskan proses sehingga menyebabkan benih padi lambat sampai.

Pengerusi MADA, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, pihaknya sedang berusaha memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan dengan segera.

Bagaimanapun, Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah enggan mengulas lanjut punca lain kerana kerajaan sedang menyelesaikan perkara itu.

"Saya nampak tidak ada satu pihak yang boleh dipersalahkan mengenai kelewatan pengagihan benih padi. Kita akan cari pendekatan lain supaya perkara ini tidak berulang," katanya selepas Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam dan Hari Bertemu Pelanggan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini semalam.

Mukhriz berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai benih padi bersubsidi yang lambat sampai kepada petani musim ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/10/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Maklum awal tanam padi, elak benih lambat sampai




Mukhriz (dua dari kanan) mendengar penerangan dari Pengarah APM Kedah, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub (kiri) tentang perjalanan sekumpulan pendaki dari pasukan APM Kedah yang berjaya mengibarkan jalur gemilang di puncak Annapurna, Nepal.

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) berharap petani tidak lagi lewat memaklumkan permintaan benih padi bersubsidi kerana mampu menjejaskan proses sehingga menyebabkan benih padi lambat sampai.

Pengerusi Mada, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, pihaknya sedang berusaha memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan dengan segera.

Bagaimanapun, Mukhriz yang juga Menteri Besar Kedah enggan mengulas lanjut punca lain kerana kerajaan sedang menyelesaikan perkara itu.

"Saya nampak tidak ada satu pihak yang boleh dipersalahkan mengenai kelewatan pengagihan benih padi. Kita akan cari pendekatan lain supaya perkara ini tidak berulang," katanya selepas Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam dan Hari Bertemu Pelanggan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman hari ini.

Mukhriz berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai benih padi bersubsidi yang lambat sampai kepada petani musim ini.

Beliau juga tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan dengan melewatkannya dan menuduh kerajaan sengaja melewatkan pengagihan benih padi tersebut.

"Masih ada sebab lain dan akan kita selesaikan sebaik mungkin," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

# Pesawah dilema benih padi kurang stok



**KANGAR:** Kira-kira 300 pesawah di Kampung Surau, Utan Aji dekat sini masih lagi menunggu benih padi bagi musim kedua sejak dua bulan lalu.

Bekalan yang dihantar pembekal sejak minggu lalu masih belum mencukupi untuk mengerjakan sawah.

Seorang pesawah Wan Hassan Wan Ismail berkata, bekalan yang dihantar masih belum mencukupi untuk menampung keperluan pesawah.

"Bekalan benih padi yang ada daripada jenis padi kebal, di mana pesawah diwajibkan untuk membeli racun yang terpilih, jika mereka mahu menggunakannya.

"Sebahagian besar petani tidak mampu untuk membeli benih padi jenis tersebut kerana kosnya agak tinggi sehingga boleh mencecah RM80 satu set bersama racun yang perlu dibeli," katanya di sini.

Malah kata beliau kos meningkat kepada RM200 bagi mengerjakan satu pertiga hektar sawah.

Sebelum ini, lebih 600 pesawah di sini buntu apabila benih padi masih belum diperolehi walaupun pengagihan sepatutnya dibuat pada akhir September lepas. –

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 59 |

*Lewat agih benih padi*

# Pesawah lambat maklum tempahan

## Masalah bukan hanya berpunca ketidakcekapan kerajaan: Mukhriz

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Kelewatan proses agihan benih padi bersubsidi tidak hanya berpunca daripada ketidakcekapan kerajaan, sebaliknya turut disebabkan kelewatan pesawah memaklumkan tempahan.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata masalah itu antara dikenal pasti oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan usaha dilakukan bagi menyelesaikannya.

"Saya tidak nampak satu pihak sahaja yang perlu dipersalahkan dalam hal ini kerana apabila sudah tiba ke penghujung baru hendak maklum, waktu memang sudah lewat dan benih pun lambat sampai.

"Kita tidak mahu ada pihak ambil kesempatan sengaja melewatkan makluman dan apabila lewat disalahkan kerajaan tidak cekap pula," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam dan Hari Bertemu Pelanggan di Dewan Seri Negeri, di sini semalam.

Mukhriz yang juga Pengerusi MADA, berkata kelewatan pengagihan benih padi pada musim ini akan diselesaikan secepat mungkin dan berharap perkara itu tidak berulang.

Sementara itu, kerajaan negeri akan menjalankan kajian bagi melihat kesesuaian pelaksanaan cadangan cuti bersalin selama 90 hari kepada pekerja wanita di peringkat negeri ini sebelum melaksanakannya.

> **Saya tidak nampak satu pihak sahaja yang perlu dipersalahkan dalam hal ini kerana apabila sudah tiba ke penghujung baru hendak maklum**
>
> *Mukhriz Mahathir, Menteri Besar Kedah*

Mukhriz berkata, kerajaan negeri memperhalusi segala cadangan dibentangkan dalam Belanjawan 2020, 11 Oktober lalu, termasuk mengenai cuti bersalin.

"Ada banyak perkara yang dicadangkan oleh peringkat Persekutuan dan saya lihat kebanyakan cadangan yang dibentangkan adalah baik untuk diamalkan di peringkat negeri. Bagi cadangan cuti bersalin itu, saya harap semua majikan sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta lihat ia sebagai satu perkara positif.

"Tujuan cuti bersalin itu dipanjangkan adalah untuk memurnikan institusi kekeluargaan. Walaupun bekerja, kita semua masih perlu menjaga kepentingan keluarga kerana ia merupakan satu cara untuk menjamin kesejahteraan dalam keluarga," katanya.

Katanya, buat masa ini cadangan mengenai tempoh cuti bersalin itu belum diputuskan lagi oleh kerajaan negeri untuk negeri ini dan ia akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

Mengenai pemberian bonus kepada kakitangan awam negeri, Mukhriz berkata, perkara itu akan diumumkan dalam belanjawan negeri pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), 20 Oktober ini.




*Keratan akhbar BH, 25 September lalu.*

Terdahulu, berucap pada majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam Kedah dan Hari Bertemu Pelanggan, Mukhriz menyarankan semua jabatan dan agensi kerajaan memberi perhatian sewajarnya bagi menyelesaikan masalah dihadapi rakyat.

"Program Hari Bertemu Pelanggan adalah platform bagi masyarakat menyuarakan aduan dan cadangan dalam membantu mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan kerajaan. Selain itu, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan secara terus," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 14 |

# Ella jadi tauke cili

## *Ratu rock bersama suami usaha ladang berteknologi tinggi*



ELLA bersama Azhar di ladang cili mereka di Kampung Bukit Hijau.



Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

**Jeram**

"Sudah sampai masanya untuk saya berbakti pada tanah di negara sendiri yang boleh menghasilkan pelbagai jenis tanaman.

"Niat saya hendak mendidik masyarakat dan menjadi inspirasi kepada anak muda," kata ratu rock tanah air, Ella atau nama sebenarnya Nor Zila Aminuddin.

Menurutnya, dia dan suaminya, Azhar Ghazali mengusahakan tanaman fertigasi cili sejak dua tahun lalu dengan modal pusingan RM150,000 membabitkan tiga ladang berkeluasan 1.2 hektar.

"Alhamdulillah, tanaman ini sudah masuk musim keenam di mana setiap ladang mampu menghasilkan pengeluaran cili lapan tan.

"Setahun kami dapat menghasilkan dua musim di mana setiap musim dari peringkat semaian hingga menuai mengambil masa selama enam bulan. Kami menggunakan benih cili kulai 461 yang terbukti berkualiti dan baik," katanya yang ditemui di ladangnya di Puncak Alam, dekat sini, semalam.

Ella berkata, setiap ladang mempunyai keluasan 0.4 hektar yang mampu menanam kira-kira 5,000 pokok cili menggunakan beg semaian di mana setiap pokok dapat menghasilkan sehingga dua kilogram (kg) cili dengan panjang mencecah lima hingga enam inci.

"Sejak kecil saya suka bercucuk tanam pokok bunga di keliling rumah. Mungkin sudah ditakdirkan jodoh dengan suami mempunyai minat yang sama dalam pertanian walaupun kami tiada asas pertanian.

"Sebelum berkecimpung dalam bidang ini, saya dan suami banyak membuat penyelidikan dan mendapatkan maklumat mengenai tanaman fertigasi cili termasuk mengikuti kursus asas pertanian.

"Saya yakin potensi perniagaan pertanian ini mampu menjana pendapatan lumayan sekiranya dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

Ditanya mengenai bidang nyanyian yang diceburi sejak 34 tahun lalu, Ella berkata, dia menjadikan bidang nyanyian dan pertanian sebagai kerjaya utama kerana meminati industri berkenaan.

"Saya akan terus menyanyi kerana minat sejak kecil dan pada masa sama akan memantau perkembangan ladang cili supaya ia tidak dilakukan separuh jalan.

"Saya menggalakkan lebih ramai golongan muda berkecimpung dalam bidang pertanian kerana ia menjanjikan masa depan yang baik, sekali gus mengurangkan cili import," katanya.

Sementara itu, Azhar berkata, bagi tanaman musim kali ini, dia menggunakan sistem perladangan pintar menerusi aplikasi Internet of Things (IoT) yang mana parameternya dipantau menerusi komputer dan telefon pintar.

"Kecanggihan teknologi masa kini membolehkan bidang pertanian makin berkembang pesat dan berupaya mengurangkan kos serta sumber manusia di samping meningkatkan kecekapan dalam menangani cabaran dan isu pertanian.

"Lebih menarik semua parameternya dipantau menerusi komputer dan telefon pintar. Ia membolehkan IoT membawa manfaat kepada fertigasi cili khususnya dalam proses penjagaan berjalan dengan lebih bermaklumat.

"Ia mudah dipantau. Penderia untuk suhu, kelembapan udara dipasang di kawasan fertigasi cili manakala penderia kelembapan tanah pula diletakkan dalam sabut kelapa di pangkal pokok cili yang secara langsung berperanan sebagai masukan kepada aplikasi sistem IoT ini," katanya.

Menurutnya, selain mengelak pembaziran dan mengurangkan kos operasi, hasil pertanian yang dikeluarkan juga lebih berkualiti kerana mendapat bekalan air dan baja dalam kuantiti yang diperlukan termasuk kandungan Omega 3.

"Dengan menggunakan kaedah IoT, ia dapat meningkatkan hasil pengeluaran sehingga tiga kg bagi satu pokok cili selain dapat memenuhi permintaan pasaran cili tempatan yang kurang mengandungi bahan kimia berbanding cili import," katanya.




"Setahun kami dapat menghasilkan dua musim di mana setiap musim dari peringkat semaian hingga menuai mengambil masa selama enam bulan. Kami menggunakan benih cili kulai 461 yang terbukti berkualiti dan baik"

Ella

ELLA memerhatikan Azhar mengendalikan aplikasi di ladang mereka.

UBAT SAKIT PERUT
PIL CHI-KIT TECK AUN
UNTUK : SAKIT PERUT, CIRIT-BIRIT DAN MUNTAH-MUNTAH YANG RINGAN, MABUK PERJALANAN DAN MAKANAN TIDAK HADAM.




KILANG PERUBATAN GMP
EAGLE & PAGODA BRAND TECK AUN MEDICAL FACTORY
686, JALAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK,
14100 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.
TEL:604-5088888 FAX:604-5088333(SALES)/604-5085555(ADMIN)
6884-T

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |

# PKPKM rayu subsidi tanam semula kekal

**Kuala Lumpur:** Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) merayu agar bantuan tanam semula kelapa sawit tidak dilaksanakan dalam bentuk pinjaman.

Sebaliknya, bantuan berkenaan diharap dapat diteruskan dalam bentuk subsidi, tanpa memerlukan pekebun kecil membayar balik pembiayaan diterima.

Langkah itu perlu kerana pembiayaan secara pinjaman berkadar rendah itu, akan menyebabkan kawasan tanam semula sawit berkurangan sebab pekebun kecil tidak mampu untuk terus menanggung hutang.

Sebelum ini, kerajaan memberi subsidi tanam semula sawit RM7,000 bagi setiap 0.4 hektar diusahakan pekebun kecil.

Presiden PKPKM, Datuk Aliasak Ambia, berkata penyediaan pinjaman bagi kerja tanam semula bermakna bantuan dinikmati pekebun kecil sejak 2011 hingga tahun lalu akan terhenti.

"Dalam Belanjawan 2020, kerajaan meluluskan peruntukan RM550 juta untuk pekebun kecil, tetapi secara pinjaman. Ini bermakna pekebun kecil kelapa sawit tidak lagi membuat kerja tanam semula dengan cara bantuan seperti dinikmati selama ini.

"PKPKM sudah mengkaji perkara ini sejak dahulu lagi dan penukaran bantuan kepada pinjaman tidak banyak memberi manfaat kepada pekebun kecil," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Agung Dwitahunan Ke-22 PKPKM yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini, semalam.

Aliasak menjelaskan, jika penanaman semula sawit berkurangan disebabkan perubahan drastik dasar kerajaan, ia akan turut menjejaskan pencapaian menerusi pensijilan Minyak Sawit Mapan Malaysia (MSPO).

"Pekebun kecil juga akan dihantui bebanan hutang. Seharusnya kerajaan tidak menggalakkan hutang kerana ini akan menimbulkan pelbagai isu lain.

"Sebenarnya bantuan tanam semula sawit ini disifatkan sebagai pelaburan kerajaan dalam industri sawit negara," katanya.

PKPKM turut memohon Pusat melaksana pembangunan pekebun kecil menerusi koperasi, sejajar Wawasan Kemakmuran Bersama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/10/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |




*Dr Mahathir bersama Aliasak (kiri) dan Pemangku Timbalan Presiden PKPKM, Meor Harun Meor Osman selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Ke-22 Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

# Perkasa koperasi luar bandar: PM

## Perancangan teliti bantu pekebun kecil lebih progresif, berdaya saing

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mahu fungsi institusi koperasi diperkukuhkan semula di negara ini, sebagai wadah pembangunan pekebun kecil.

Perdana Menteri berkata, fungsi koperasi perlu diperbaharui dengan kementerian dan agensi berkaitan memainkan peranan memartabatkan semula institusi berkenaan.

"Seperti yang kita sedia maklum, pembangunan koperasi di Malaysia masih lagi berada pada tahap rendah berbanding negara maju yang lain.

"Oleh itu, langkah menyeluruh perlu diambil, termasuk merancang strategi membangunkan koperasi, memantau koperasi secara berkala dan menyediakan latihan kepada semua pengurusan koperasi serta ahlinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Ke-22 Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) di sini, semalam.

Dr Mahathir yakin dengan pelan rancangan yang baik dan komitmen pelaksanaan tinggi daripada semua pihak, koperasi luar bandar mampu diperkasa dan menjadi institusi utama dalam membentuk pekebun kecil yang progresif dan berdaya saing.

Pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa percantuman ladang kecil, mampu membantu pekebun kecil meraih pendapatan serta pulangan yang sewajarnya.

Justeru, beliau menyarankan supaya satu badan pengarah terdiri daripada pemilik tanah dan pengarah bebas diwujudkan.

"Pengarah akan bersidang untuk menyemak pengurusan ladang beberapa kali setahun. Pengarah akan menentukan keuntungan dan agihan kepada pemilik.

"Jika cantuman ladang kecil ini berlaku, perlu ada pengurus yang profesional dan sebab itu badan pengarah ini penting supaya dapat mengawasi rancangan dan pelbagai lagi berkaitan ladang," katanya.

Beliau berkata, sebagai contoh langkah percantuman ladang kecil sudah dimulakan membabitkan pesawah padi di Pulau Langkawi, Kedah.

"Sebahagian pesawah ini bersetuju mencantumkan sawah mereka dalam usaha menjana pendapatan dan keuntungan yang lebih tinggi," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Go into vegetable, fruit farming - D rM | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 21 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 136 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 379 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,137 |



# Go into vegetable, fruit farming – Dr M

**KUALA LUMPUR:** In a bid to address the country's huge food import bill, Tun Dr Mahathir Mohamad said farmers should diversify and venture into vegetable and fruit farming as well using modern technology.

The prime minister said this is why the government has advocated mixed farming to ensure a stable and better income for them.

"They shouldn't rely on one particular crop alone for example because when the price drops, the farmer concerned will be affected," he said when opening the 22nd Annual General Meeting of the National Association of Smallholders Malaysia here yesterday.

Dr Mahathir said many of the vegetables and fruits now being imported can be cultivated in the country, similar to what the Arab nations are doing, with the use of vertical farming technology.

This means they can produce the crops on a small piece of land but generate a huge income, he said.

"This technology is available at the Ministry of Agriculture (and Agro-based Industry)," he said.

Saying that pineapple cultivation can provide good returns, Dr Mahathir related how a lorry driver with a salary of RM1,000 a month is now earning RM1 million annually after venturing into pineapple farming.

"The government hopes that farmers will be able to earn as much as the people working in the cities so that there is little difference in the income gap between the urban and rural communities," he said.

In his speech, Dr Mahathir reiterated the need to merge rubber and oil palm smallholdings to become big rubber or oil palm estates for higher returns.

"Management should be left to experts just like how it's being done for plantations," he said, adding that the smallholders would not lose their lands and that profits would be distributed according to the size of land they contributed.

He said when merged, replanting can be done at a small portion of the new acreage, and that the part not under replanting can provide temporary returns pending the yields from the replanted trees.

Meanwhile, Dr Mahathir urged oil palm smallholders who have not registered for the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification to do so at any Malaysian Palm Oil Board (MPOB) office. – Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Mahathir urges small estate owners to change their way of thinking, diversify planting to | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 59,667 |
| Page No | B12b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 310 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,476 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,427 |



全国小园主协会大会

## 敦马促小园主改变思维

# 多元化种植增收入

（吉隆坡 17 日讯）首相敦马哈迪促油棕小园主改变思维，通过集结小园主力量和多元种植方式，为本身和国家带来收益。

他指出，油棕小园主不应依靠政府的津贴进行翻种，反之可通过集合小园主的力量及多元化种植，增加本身的收入。

他周四在为全国小园主协会（PKPKM）第 22 届常年大会开幕，回应该协会主席拿督阿里亚萨安比雅要求政府提供油棕翻种津贴而非贷款时表示，政府所提供的援助有限，倘若小园主不自立自强，将一直处在低收入族群。

"如果你们不改变思维，即便政府给你们翻种津贴，在 5 年的翻种期，你们只能靠翻种津贴过活！"

"若持续下去，你们只会一直待在郊区地区，一直面对贫穷问题。然而，如果你们改变思维，就不用'被迫'向政府贷款。"因此，马哈迪建议，小园主可通过合作方式，集结小园主的园地，再交由专业人士加以管理，相信小园主们未来无需再依靠政府津贴或贷款，亦能够为自己带来庞大利润。

较早前，全国小园主协会主席阿里亚萨安比雅呼吁政府提供翻种津贴，而非贷款。

他说，在上周提呈的《2020年财政预算案》中，政府宣布提供 5 亿 5000 万令吉的油棕翻种贷款，然而该协会希望政府重新考量，将贷款转为津贴。

"如果是贷款，无疑是为小园主制造负担。倘若收成不佳，仍需要支付庞大贷款。"



马哈迪（左 3）为全国小园主协会常年大会开幕。左起玛沙益、阿里亚萨安比雅及米欧哈伦。

他也呼吁政府成立小园主发展合作社，因合作社能够协助小园主解决各种问题，并且达致共享繁荣愿景。

"合作社也能够为小园主提供拥有纯熟技能的员工。"

出席者包括全国小园主协会副主席米欧哈伦及会员玛沙益等。#

## 敦马：大马也能种葡萄

# 改种蔬果自给自足

大马也能种葡萄！首相敦马哈迪建议油棕小园主改种蔬果。

马哈迪指出，他获悉国内有农民成功种植葡萄，且葡萄甜度不输进口葡萄，因此国内的油棕或橡胶小园主可尝试种植不同种类蔬果。

"我国每年进口的蔬菜总额高达 600 亿令吉。如果我们的农民能够自己种植蔬果，我们就能够自给自足。"

"最近，我获悉本地有一位农民成功种植葡萄，且其甜度不输进口葡萄。虽然我自己也没尝过，若有机会我也想亲自尝一尝。"

他说，其实本地有诸多蔬果适合种植，尤其是黄梨，其商机及带来的收益极高。

"我了解到国内有一名青年，他的月收入仅 1000 令吉。可是，他选择投入种植黄梨业，如今的他事业越做越大，年收入更高达 100 万令吉。"

针对多元种植建议，马哈迪在较后的记者会上表示，农业及农基工业部将负责此事，并为有意进行多元种植的园主提供先进技术。"

"其实浮罗交怡已经执行这项计划，并由农业部负责。"#

| Headline | PM urges famers to modernise and adopt mixed farming | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A2 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 310 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,625 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,874 |





马哈迪（中）为全国小园主公会第22届常年大会开幕后，与该公会主席阿历亚撒（左）与署理主席米奥哈仑交流。

# 首相促农民现代化混合种植

**吉隆坡17日讯**｜首相敦马哈迪指出，农民应多元化和勇于投入蔬果种植及使用现代技术，以减低我国粮食入口的高额费用。

他说，这也就是为何政府提议混合种植，以确保他们有更好及稳定的收入。

他举例，农民不应该只依赖一种特定的作物，因为当价格走跌，有关的农民就会受到影响。

他今日为全国小园主公会第22届常年大会致开幕词时，这样指出。

他说，现在有很多入口的蔬果可在我国种植，这与阿拉伯国家的做法类似，也就是使用垂直农法技术。

他说，这表示他们在一小块地生产作物，但可带来巨额收入。「农业及农基工业部可提供这项技术。」

马哈迪举例，种植黄梨有利可图，一名月薪1000令吉的罗里司机，在投入黄梨种植后，现在每年赚取100万令吉。

「政府希望农民能够跟在城市工作的人们赚一样多的钱，那就能够缩小城乡的收入差距。」

马哈迪重申，有必要整合橡胶和油棕的小园地，以成为大型的橡胶或油棕园丘，以赚取更高回酬。「管理应交给专家，这跟种植的道理一样。」

他补充，小园主不会失去他们的土地，以及盈利将根据他们所贡献的土地面积分配。

他指出，在进行整合后，可在一小部分面积进行重植，不进行重植的土地可在等待重植树木收成时，提供暂时性的回酬。

另外，马哈迪呼吁还未登记大马永续棕油（MSPO）的油棕小园主，前往任何的大马棕油局办公室登记。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PM urges smallholders not to rely on aid | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 598 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,796 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,388 |



## 首相：可合併聘專人種植

# 小園主別再靠援助金

（吉隆坡17日讯）首相敦马哈迪强调，橡胶和油棕小园主必须自力更生，不需要再获得政府提供援助金，他们可通过合并种植地，聘请专人管理，进行大规模和多样化种植，例如种蔬菜和水果，以提高收入。

他说，若小园主没有专业经营，即使政府给予援助金，小块土地也不会有盈利。

"合并较小的土地，以创建更大的农场，不会损害小园主利益，他们继续为大农场的地主，根据所贡献的土地面积分享利润。"

马哈迪今日为全国小园主协会（PKPKM）大会主持开幕时，这么指出。

出席者包括该协会主席拿督阿里萨、副主席米厄哈仑和大马经济研究院主席丹斯里嘉玛沙列。

### 須仿做大農場

马哈迪是针对该协会要求政府恢复给予小园主的援助金，以翻种油棕和橡胶农作物，作出上述回应。

较早时，阿里萨致词时说，政府在2020年财政预算案提供小园主5亿5000万令吉贷款，而不是2014年至2018年期间所给予的援助金。

马哈迪指出，稻农已开始合并种植地，进行专业管理，小农场的合并已经在浮罗交恰开始了。

他强调，小园主必须仿效大农场，利用现代农业技术耕作和专业管理，才能提高收成。当橡胶和油棕价格下跌时，大农场仍有钱赚，但没有采用现代农业技术的小园主却面临亏本。

他鼓励橡胶和油棕小园主，用部分土地种植蔬菜和水果，以减低我国每年约600亿令吉的食品进口额。

"许多进口的蔬菜和水果实际上可以使用先进农业技术来种植，小农场种的农作物，也可产生巨大收入。农业部可提供现代农业技术。

"政府希望乡区农民与城市地区人民有相同收入，从而拉近乡城之间的收入差距。"



■马哈迪（前排左5）为全国小园主协会大会开幕后，与小园主合照：前排左4起为阿里萨和米厄哈仑。

Powered by: isentia

| Headline | Dr Mahathir: Go into vegetable and fruit farming to address food import bill | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 9 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 173 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,180 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,540 |



# Dr Mahathir : Go into vegetable and fruit farming to address food import bill

**KUALA LUMPUR:** In a bid to address the country's huge food import bill, Tun Dr Mahathir Mohamad said farmers should diversify and venture into vegetable and fruit farming as well using modern technology.

The prime minister said this is why the government has advocated mixed farming to ensure a stable and better income for them.

"They shouldn't rely on one particular crop alone for example because when the price drops, the farmer concerned will be affected," he said when opening the 22nd Annual General Meeting of the National Association of Smallholders Malaysia here yesterday.

Dr Mahathir said many of the vegetables and fruits now being imported can be cultivated in the country, similar to what the Arab nations are doing with the use of vertical farming technology.

"This means they can produce the crops on a small piece of land but generate a huge income," he said.

"This technology is available at the Ministry of Agriculture (and Agro-based Industry)," he said.

Saying that pineapple cultivation can provide good returns, Dr Mahathir related how a lorry driver with a salary of RM1,000 a month is now earning RM1 million annually after venturing into pineapple farming.

"The government hopes that farmers will be able to earn as much as the people working in the cities so that there is little difference in the income gap between the urban and rural communities," he said.

In his speech, Dr Mahathir reiterated the need to merge rubber and oil palm smallholdings to become big rubber or oil palm estates for higher returns.

"Management should be left to experts just like how it's being done for plantations," he said, adding that the smallholders would not lose their lands and that profits would be distributed according to the size of land they contributed.

He said when merged, replanting can be done at a small portion of the new acreage, and that the part not under replanting can provide temporary returns pending the yields from the replanted trees.

Meanwhile, Dr Mahathir urged oil palm smallholders who have not registered for the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification to do so at any Malaysian Palm Oil Board (MPOB) office. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tun M urges small plantation owner to merge land and manage professionally | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 18 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 223 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,273 |



# 應合併農地專業管理

## 敦馬促小園主勿依賴翻種津貼

（吉隆坡17日讯）首相敦马哈迪表示，只要小园主改变思维，各小园主之间合并农地进行专业化管理，以及种植多种类农作物，那么也就不再需要在政府将翻种津贴改成贷款一事上纠结。

“如果你们（小园主）不改变思维，而想要继续依赖政府的翻种津贴，那么在翻种期间的这四、五年内你们并没有产出，你们未来也只能继续依赖政府。”

“但如果小园主之间合并农地并委任专业人士进行专业化管理，并且将一部分农地改成种植其他蔬果，那么将能从中获得更好的回酬。”

“我相信只要做到这两点，你们就不再需要‘被迫’向政府贷款。”

### 翻种津贴改贷款引不满

他今天在吉隆坡为大马小园主公会主持第22届两年一度的代表大会主持开幕并致词时，这么回应该公会主席拿督阿拉萨。

后者在稍早前致词时，指政府在刚过去的2020年财政预算案中，将原本的翻种津贴改为贷款，给小园主带来诸多不便和弊端。

马哈迪表示，这也是政府的新政策，因为他们不能再重复之前已经被证实为不好的做法。

他说：“我们并不再需要翻种津贴，小园主可以靠自己自立自足。这是政府的愿景，我们希望这样可以缩小城乡之间的收入差距。”

此外，马哈迪也表示，有关小园主合并农地进行专业化管理，以及多元化种植的建议已经开始，但目前尚有一些细节尚有待农业部去处理。

“我相信一部分小园主已经同意，目前他们正在等待农业部的相关安排。我们已经要求农业部去执行，例如在浮罗交怡已经开始落实了。”

出席当天开幕仪式的嘉宾，尚有全国小园主协会副主席米欧哈伦。



马哈迪（前排左五）在主持开幕后，与阿里萨（前排左四）、米欧哈伦（前排左六）以及一众小园主公会会员一起拍下大合照